

03/08/2001

Rakyat mahu hubungan Malaysia, Amerika dipererat

KUALA LUMPUR, Khamis - Ramai rakyat Malaysia mahukan supaya negara ini mewujudkan hubungan baru yang lebih erat dengan Amerika Syarikat di bawah pentadbiran Presiden George W Bush, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berikutan itu, Perdana Menteri berkata beliau mungkin menemui Bush dalam pertemuan dua hala di acara sampingan Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai, Oktober ini.

"Ramai rakyat yang ingin melihat Malaysia mempunyai hubungan lebih baik dengan Kerajaan Amerika dan mereka berusaha dengan cara mereka sendiri untuk memperbaiki hubungan dua hala.

"Sesetengah mereka adalah ahli perniagaan, sesetengah adalah pihak yang mempunyai kepentingan di Malaysia dan mahu melihat hubungan yang lebih baik antara Malaysia dan Amerika," katanya selepas menyampaikan ucapan pada Dialog Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya oleh pemberita apakah Malaysia sedang berusaha untuk memperbaharui hubungan dengan Amerika dan untuk itu adakah beliau bercadang menemui Bush ketika sidang kemuncak Apec pada 21 dan 22 Oktober ini.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak menolak kemungkinan untuk mengadakan pertemuan dua hala itu.

"Saya tidak menolak dan saya tidak menyatakan saya tidak mahu, semua ini bergantung kepada keadaan. Jika saya berpeluang menemuinya, saya akan berjumpa dengan beliau. Bagaimanapun, jika saya tidak berpeluang, tak mengapalah," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata adalah menjadi satu perkara biasa bagi pemimpin untuk bertemu pada mesyuarat seumpama itu.

"Ia bukannya soal satu permintaan ataupun yang berkaitan dengannya. Jika kami mempunyai masa, kami akan berjumpa. Jika kami tidak mempunyai masa, kami tidak akan berjumpa. Ia satu perkara biasa," katanya.

Mengenai laporan yang mendakwa Amerika meletakkan tiga syarat bagi pertemuan itu, termasuk layanan lebih baik terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pembebasan tahanan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu mengenai perkara itu.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata sebarang pertemuan dua hala seumpama itu tidak sepatutnya diletakkan bersama syarat tertentu.

(END)